

IORA'



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



LIVE HD

*Live@PTAR Siri 11 Bicara Pakar
Bersama Profesor Dr. Normah
Omar (Top Most Influential Women
In Islamic Business & Finance) m/s 7*


m/s 6

LIVE HD

*Live@PTAR Siri 8 Bicara Pakar:
"Institusi Beraja Lambang
Kedaulatan Negara"*



m/s 34



LIVE HD

*Live@PTAR Sabah Siri 1: Sesi
Perkongsian Ilmu: Industri Madu
Kelulut di Negeri Sabah*

m/s37

LIVE HD

*LIVE@PTAR UiTM Cawangan
Sarawak@122 Astro &
myFreeview: Perpustakaan*

m/s22



*Kunjungan Hormat Ke Pejabat
Penolong Rektor*



أقل

KATA ALU-ALUAN

Ketua Pustakawan

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Illahi dengan izin dan limpah kurniaNya, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dapat menerbitkan e-Buletin IQRA bagi keluaran bulan Mac 2021. e-Buletin IQRA telah diterbitkan bagi tujuan pihak perpustakaan memuatnaik dan berkongsi maklumat mengenai aktiviti dan program yang telah dianjurkan oleh Perpustakaan UiTM Shah Alam dan juga di seluruh cawangan secara konsisten pada setiap bulan.



**Ts. Noor Hidayat bin Adnan
Ketua Pustakawan UiTM**

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) komited dalam menyokong 17 Matlamat Pembangunan Mampam (SDG) yang telah diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam Perhimpunan Agung pada 25 September 2015 di New York. Program yang dijalankan di perpustakaan sedikit sebanyak menyokong matlamat tersebut, seperti program 'Snap & Share@PAB' anjuran Perpustakaan Al-Bukhari Cawangan Pahang yang seiring dengan SDG 4 (Quality Education) dan SDG 17 (Partnerships for Goals).

Di samping itu, perkongsian ilmu berkaitan dengan industri madu kelulut mampu membuka mata masyarakat mengenai peluang pekerjaan dan perniagaan yang semakin meluas. Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Sabah telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan program Live@PTAR dengan menjemput usahawan kelulut wanita komuniti Sipitang. Perkongsian ini dilihat mampu menyalurkan maklumat kepada masyarakat seiring dengan fungsi perpustakaan sebagai tempat penyebaran ilmu pengetahuan.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pasukan jawatankuasa sidang editor kerana telah berjaya menghasilkan e-Buletin IQRA ini.

Terima Kasih

Wassalam.

Ts. Noor Hidayat Bin Adnan,
Ketua Pustakawan